

# Empower ECER dekati masyarakat Orang Asli

**Cameron Highlands:** Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) melalui UMP Advanced melaksanakan program empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi menajana pembangunan sosio ekonomi di beberapa tempat di negeri Pantai Timur termasuk Cameron Highlands.

Baru-baru ini, satu program 'Kembara Ihya Ramadan dan Gotong Royong Perdana Inap Desa' Kampung Rening, Pos Telanok dianjurkan oleh UMP Advanced.

Program berkenaan membabitkan beberapa kerajaan antaranya Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Cameron Highlands, Pejabat Kebajikan Masyarakat Cameron Highlands, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Cameron Highlands (SWCorp), Alam Flora Sdn Bhd, Jawatankuasa Masjid Sultan Abu Bakar Tanah Rata dan Masjid Kayangan Brinehang.

Antara matlamat penganjuran program itu adalah untuk mempromosikan kursus Latihan Ke-

mahiran dan Keusahawanan empower ECER Cameron Highlands di mana salah satu kursus yang ditawarkan adalah Kursus Operasi dan Pengendalian Inap Desa khusus untuk Orang Asli di Kampung Rening, Pos Telanok Cameron Highlands.

Intipati program itu juga adalah untuk mempromosikan rumah Inap Desa di Kampung Rening kepada pelancong luar dan dalam daerah melalui agensi pelancongan di Cameron Highlands.

Pelaksanaan program empower ECER bertujuan untuk memperkasakan ekonomi tempatan dengan menyediaan asas dan pembangunan sosio ekonomi yang berterusan.

Program itu ditawarkan secara percuma dan bertujuan menaikkan taraf hidup komuniti setempat, sekali gus meningkatkan ekonomi rakyat di Pantai Timur.

Program Kembara Ihya Ramadan dan Gotong-Royong Perdana itu disempurnakan Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands, Mohd Zaidi Awang.

Mohd Zaidi berkata, beliau me-



Program 'Kembara Ihya Ramadan dan Gotong-Royong Perdana Inap Desa' Kampung Rening, Pos Telanok yang diadakan di Cameron Highlands. (Foto UMP Advanced)

nyokong sepenuhnya penganjuran program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER dan berharap supaya program itu dapat diteruskan bagi membantu meningkatkan kelanangan sosio ekonomi penduduk tempatan khususnya kepada masyarakat.

"Dengan adanya bimbingan secara formal ini sedikit sebanyak akan membantu membangunkan lagi sektor pelancongan berkesan alam semulajadi yang menjadi tarikan utama pelancong untuk datang ke Cameron Highlands," katanya.



Sebahagian masyarakat Orang Asli yang hadir program 'Kembara Ihya Ramadan dan Gotong-Royong Perdana Inap Desa' Kampung Rening, Pos Telanok di Cameron Highlands. (Foto UMP Advanced)